

18 FEB 2003

NAM-Bank/I

BCB BERPERANAN MEMPROMOSIKAN OBJEKTIF PERDAGANGAN NAM

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Bank Bumiputra-Commerce (BCB), bank kedua terbesar negara, percaya ia dapat memainkan peranan strategik dalam memenuhi objektif perdagangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Dalam satu kenyataan hari ini, bank itu menyatakan ia mempunyai keupayaan untuk menyediakan infrastruktur untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa dan dua hala seiring dengan agenda perdagangan NAM.

BCB mengambil bahagian dalam pameran perdagangan "Showcase Malaysia 2003" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 18 hingga 26 Feb. Pameran itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) sempena Sidang Kemuncak NAM ke-13 dari 20 hingga 25 Feb.

BCB berkata sebagai syarikat terbesar dalam kumpulan kewangan yang menyertai pameran itu, ia berharap untuk mempamerkan keupayaannya sebagai kuasa kewangan Malaysia kepada pelawat pameran itu dan para perwakilan Sidang Kemuncak itu berupa orang kenamaan tempatan dan asing, wakil politik dan perniagaan serta media tempatan dan asing.

Menurutnya objektif bank itu ialah untuk menyokong usaha kerajaan dalam menganjurkan acara mega di tahap ini untuk mempamerkan potensi Malaysia di mata dunia.

BCB menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan, termasuk komersil, perdagangan, pesisir luar dan Islamik dan pada masa yang sama menawarkan produk lain seperti broker saham, broker pasaran hadapan, pengurusan dana, pengurusan unit amanah, modal teroka, firma diskaun, pembiayaan jual-beli, sewaan, faktor dan insurans nyawa.

Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan sehenti, BCB menawarkan pelbagai perkhidmatan global yang sempurna dengan 1,200 koresponden bank asing di seluruh dunia mewakili 110 negara.

Bank itu mempunyai cawangan di luar negara di pusat-pusat kewangan utama seperti London, Tokyo, Hong Kong dan Singapura dan pejabat perwakilan di Yangon.

BCB juga memiliki ekuiti kawalan di bank di Mauritius dan Indonesia. Ia juga memiliki rangkaian bank runcit terbesar di Malaysia dengan lebih 250 cawangan runcit di seluruh negara.

Kemudahan perbankan antarabangsa merupakan barisan hadapan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BCB dan menjalin urusan niaga dengan lebih 1,200 bank koresponden.

-- BERNAMA

MFJ MFJ RHM